

Potensi Pelaksanaan Wakaf Ekonomi di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Awal

**[*Potential Implementation of Economic Waqf in the State of
Kelantan: A Preliminary Survey*]**

**Mujiburrahman Muhammad Saleh¹, Nurul Akma Mohamed², Hamidi
Abdul Ghani² & Suraini Saufi³**

¹ (Corresponding Author) Jabatan Syariah dan Pengurusan Halal, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. Email: mujiburrahmanmohdsaleh@gmail.com

² Jabatan Al-Syariah dan Pengurusan Halal, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. Email: nurulakma@kias.edu.my, al_humaidi011@yahoo.com

³ Jabatan Muamalat dan Teknologi Maklumat, Fakulti Pengurusan dan Teknologi Maklumat, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, 15730 Kota Bharu, Malaysia. Email: suraini@kias.edu.my

ABSTRACT

The Islamic social finance sector, including waqf, is growing rapidly but is still too small compared to its true potential and has yet to be fully explored. One of the main reasons that hinders this growth is the lack of innovation in the management of waqf property to work on the real potential of the property to provide optimal impact to the economy of the ummah. In the context of Kelantan state, Islamic educational institutions have succeeded in producing a society that understands religious knowledge well. This is the principal capital for aggressively developing waqf instruments in Kelantan with innovations. This paper discusses the concept of economic endowment and the potential of its implementation in the state of Kelantan. This qualitative study is done descriptively by utilising content analysis methods in the analysis process. By looking at the existing concept used by several waqf administrative institutions in Malaysia, this study found that the state of Kelantan has excellent potential to develop economic waqf, namely the idea of waqf that benefits from waqf assets used for economic development in business, agriculture, and other sectors.

Keywords: Waqf; Economic Waqf; Social Finance; Kelantan; Potential

ABSTRAK

Sektor kewangan sosial Islam termasuk wakaf pada masa ini walaupun berkembang dengan pesat, tetapi masih terlalu kecil berbanding dengan potensinya yang sebenar dan belum diterokai sepenuhnya. Salah satu penyebab utama yang menghalang pertumbuhan ini ialah kurangnya inovasi dalam pengurusan harta wakaf bagi menggarap potensi sebenar harta tersebut agar dapat memberi impak optimum kepada ekonomi ummah. Dalam konteks negeri Kelantan, wujudnya institusi-institusi pondok dan pendidikan Islam di negeri ini telah berjaya melahirkan masyarakat yang memahami ilmu agama dengan baik dan hal ini menjadi modal utama untuk dibangunkan instrumen wakaf di negeri Kelantan secara agresif dengan inovasi-inovasi yang baharu. Sehubungan dengan itu, makalah ini dikemukakan bagi membincangkan konsep wakaf ekonomi dan potensi pelaksanaannya di negeri Kelantan. Kajian berbentuk kualitatif ini digarap secara deskriptif dengan menggunakan metode analisis kandungan dalam proses analisis. Dengan melihat konsep sedia ada yang digunakan oleh beberapa institusi pentadbiran wakaf di Malaysia, kajian ini mendapati negeri Kelantan memiliki potensi yang besar untuk membangunkan wakaf ekonomi iaitu konsep wakaf yang mana manfaatnya dari aset wakaf digunakan untuk tujuan pembangunan ekonomi sama ada dalam sektor perniagaan, pertanian dan lain-lain.

Kata kunci: Wakaf; Wakaf Ekonomi; Kewangan Sosial; Kelantan; Potensi

How to Cite:

Received: 26-3-2022

Saleh, M. M., Mohamed, N. A., Ghani, H. A. & Saufi, S.

Revised: 30-10-2024

(2024). Wakaf Ekonomi: Konsep Dan Potensi Pelaksanaannya

Accepted: 17-11-2024

Di Negeri Kelantan. *RABBANICA - Journal of Revealed*

Published: 25-11-2024

Knowledge, 5(2), 223-241.

1. Pendahuluan

Sistem wakaf telah lama wujud dalam kehidupan manusia sebelum kedatangan Islam walaupun tidak dinamakan dengan wakaf. Contohnya seperti jual beli, ijarah, nikah dan aqad-aqad lain telah muncul sebelum kedatangan Islam (Zahrah, 2009). Sistem wakaf telah diperkenalkan pada zaman peradaban Roman, Babilon, dan Fir'aun. Sistem wakaf dalam Islam bukannya diambil dari sistem yang lama, namun ianya sudah terdapat dalam al-Quran dan Sunnah (Firmansyah, 2019). Malah sistem wakaf dalam Islam bukan sahaja memberi di tempat beribadah sahaja, malah merangkumi aspek sosial, ekonomi dan ketenteraan.

Wakaf adalah satu amalan yang terpuji dan sememangnya dituntut dalam Islam. Firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبَرَ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ إِنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ^{١٣}

Terjemahan: Kamu sekali-kali tidak akan mencapai kebijakan yang sebenarnya sehingga kamu belanjakan sebahagian daripada harta yang paling kamu sayangi dan apa sahaja yang kamu belanjakan daripada sesuatu, maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui. (ali-Imran, 3: 92).

Ajaran Islam amat menggalakkan umat Islam untuk melakukan amalan kebijakan seperti bersedekah, wakaf, hibah, dan sebagainya. Terdapat beberapa hadis Nabi SAW yang menggalakkan umat Islam untuk melakukan amalan kebijakan berwakaf ini. Pada zaman Rasulullah SAW amalan berwakaf sudah menjadi ikutan terutamanya bagi umat Islam. Sebagai contoh, Uthman bin Affan RA telah mewakafkan telaga *al-rumah* yang merupakan sumber air utama umat Islam ketika itu (Asma Ab Rahman, 2009).

Dalam konteks negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) dalam pelaksanaan dan pengurusan wakaf telah menyenaraikan beberapa masalah berkaitan tunggakan bayaran sewa rumah, kedai dan sewaan tanah tanaman yang menyebabkan MAIK terpaksa berhadapan dengan masalah kewangan dari aspek pengurusan aset wakaf. Permasalahan melibatkan kekurangan peruntukan dana wakaf pula menyebabkan perkembangan projek-projek wakaf di bawah seliaan MAIK kelihatan sangat perlahan berbanding negeri-negeri lain di Malaysia.

Dari aspek perundangan, MAIK menggunakan Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Kelantan) No.4 Tahun 1994 (Seksyen 61 sehingga Seksyen 66). Isu-isu seperti wakaf tunai, tanah wakaf dan produk baru wakaf hendaklah dirujuk ke pejabat mufti terlebih dahulu sebelum dibuat sebarang keputusan. Manakala undang-undang berkaitan tanah wakaf dan kewangan perlu dirujuk kepada akta-akta yang berkaitan (Mohamed et al., 2021). Kesinambungan beberapa senario di atas membuktikan suatu inisiatif penyelesaian dan pengukuhan dana wakaf diperlukan bagi memacu kelancaran pengurusan wakaf di negeri Kelantan. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan membicarakan konsep wakaf ekonomi dan potensi pelaksanaannya di negeri Kelantan.

2. Sorotan Literatur

Berdasarkan penelitian literasi, tidak terdapat karya penulisan yang memperkenalkan secara khusus wakaf ekonomi sebagai satu istilah khusus dan model wakaf yang baharu. Beberapa penulisan sedia ada yang membincangkan model-model wakaf kontemporari seperti wakaf produktif telah ditulis oleh Kurniawan (2013) dengan tajuk *Wakaf Produktif Dan*

Pemberdayaan Ekonomi Umat. Manakala kajian Medias (2010) membincangkan *Wakaf Produktif Dalam Perspektif Ekonomi Islam.*

Terdapat juga artikel yang memperkenalkan konsep Wakaf Tunai seperti yang ditulis oleh Ahmad (2008) dengan tajuk *Pelaksanaan skim wakaf tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia.* Selain itu, terdapat kajian membincangkan konteks pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia seperti Zakaria, & Muda (2017), dan konsep Wakaf Tunai (Suganda, 2014). Di samping itu, terdapat kajian menyentuh aspek model Wakaf Korporat seperti yang ditulis oleh Mahmood dan Shafiai (2013) dengan tajuk *Potensi wakaf korporat kepada pemilikan ekuiti muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation.* Manakala kajian Borham (2011) bertajuk *Pelaksanaan pembangunan wakaf korporat Johor Corporation Berhad (JCorp).*

Dalam konteks Wakaf Saham pula, kajian Hanna (2018) telah dikemukakan dengan tajuk *Wakaf Saham Dalam Perspektif Hukum Islam.* Yang lebih menarik, terdapat kajian lain yang menampilkan wacana konsep *Wakafpreneur* seperti yang kajian ditulis oleh Anuar et al. (2021) dengan tajuk *Model Pengurusan Wakafpreneur Kontemporari: Kajian Kes di Institut Wakafpreneur Indonesia [Management Contemporary of Wakafpreneur Model].* Sehubungan itu, konsep wakaf korporat yang merujuk aspek pengurusan harta-harta wakaf berbentuk harta alih seperti wang tunai, saham syarikat dan dividen saham yang diurus tadbir secara penuh oleh entiti korporat ataupun secara kerjasama di antara syarikat korporat dan pihak berkuasa wakaf telah dibincangkan secara komprehensif oleh Magda (2013).

Konsep wakaf tunai yang boleh didefinisikan sebagai pemberian wang tunai kepada entiti pengurusan yang sah untuk dikumpul dan dijadikan modal bagi menukar dana kepada harta kekal atau membiayai aktiviti yang berkaitan dengan wakaf telah dibincangkan dalam kajian Ahmad (2008). Dalam hal ini, Komisi Fatwa Majelis Ulama Indonesia telah menetapkan fatwa berkenaan dengan wakaf tunai yang menyatakan bahawa wakaf wang (cash wakaf atau *waqf al-Nuqud*) adalah wakaf yang dilakukan seseorang, kelompok orang, institusi atau badan hukum dalam bentuk wang tunai, termasuk ke dalam pengertian wang adalah surat-surat berharga. Wakaf wang hukumnya adalah harus (*jawaz*), namun hanya boleh disalurkan dan digunakan untuk hal-hal yang dibolehkan secara syar'i, dan nilai pokok wakaf wang harus dijamin kelestariannya, tidak boleh dijual, dihibahkan dan atau diwariskan (Suganda, 2014).

Terakhir, kajian tentang wakaf produktif yang umumnya berbentuk tanah pertanian atau perkebunan, gudang-gudang komersial, diuruskan sehingga mendatangkan keuntungan yang sebahagian hasilnya digunakan untuk membiayai pelbagai aktiviti telah dibincangkan dalam kajian Kurniawan, 2013).

Berdasarkan sorotan literasi di atas, kesemua konsep wakaf sedia ada adalah jelas berbeza dengan konsep wakaf ekonomi. Secara teknikal, konsep

wakaf ekonomi memberi tumpuan utama kepada manfaat aset wakaf yang mesti memberi faedah nilai ekonomi dan berfungsi menjana keuntungan material bagi pembangunan ummah melalui pelbagai sektor, seperti sektor pertanian, perniagaan, perhotelan, perumahan, harta tanah, pelaburan dan lain-lain.

3. Metodologi Kajian

Kajian ini hanya menumpukan kepada wacana konsep wakaf ekonomi dan potensi pelaksanaanya di negeri Kelantan. Kajian ini dibuat bagi memperkenalkan konsep wakaf ekonomi sebagai model baharu wakaf yang bertujuan membangun ekonomi ummah secara mampan. Selain itu, kajian ini dibuat bagi mengenalpasti beberapa bentuk model wakaf ekonomi yang telah berjaya dibangunkan oleh pihak institusi wakaf untuk dijadikan sebagai panduan dalam pembangunan wakaf di Kelantan.

Bagi mencapai tujuan ini, maklumat tentang konsep wakaf ekonomi diperolehi melalui penelitian terhadap kitab-kitab fiqah dan penerbitan ilmiah semasa. Manakala maklumat potensi pelaksanaan wakaf ekonomi di negeri Kelantan diperolehi melalui kaedah kualitatif dengan menemubual separa berstruktur dimana responden menjawab berpandukan soalan yang telah diberikan kepada mereka. Temubual ini dilakukan secara *online* sahaja dengan menggunakan aplikasi Google Meet disebabkan pandemik Covid-19 dan Perintah Kawalan Penduduk (PKP). Pengkaji juga menggunakan alat perakam suara dan rakaman video semasa sesi temubual tersebut bagi memudahkan penghasilan transkripsi data temubual dan analisis berkaitan.

Bagi tujuan tersebut, beberapa institusi wakaf dan sektor penjanaan aset wakaf dari seluruh Malaysia telah ditemubual dalam kajian ini. Berikut merupakan butiran responden terlibat serta justifikasi pemilihannya:

1. Pegawai Bahagian Wakaf Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)
 - i) Mewakili penyelaras pentadbiran harta wakaf, zakat, mal dan haji di seluruh negara agar dapat diselaraskan secara lebih sistematik, tersusun dan berkesan.
 - ii) Melibatkan sektor perniagaan, perumahan, kesihatan, dan perhotelan.
2. Ketua Pegawai Eksekutif Yayayasan Wakaf Malaysia (YWM)
 - i) Mewakili pihak yang membangun dan memajukan harta wakaf di seluruh negara melalui jalinan kerjasama dengan MAIN selaku pemegang amanah tunggal wakaf.
 - ii) Melibatkan sektor kesihatan dan perhotelan.

3. Ketua Eksekutif Wakaf An-Nur Corporation Berhad (Wakaf An-Nur)
 - i) Mewakili syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer dan dilantik sebagai Nazir Khas oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor yang pada awalnya untuk menguruskan aset atau saham yang diwakafkan oleh Johor Corporation.
 - ii) Melibatkan sektor kesihatan.
4. Ketua Pegawai Eksekutif Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd.
 - i) Mewakili anak syarikat dan Nazir Khas yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.
 - ii) Melibatkan sektor perumahan dan perhotelan.
5. Ketua Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Kedah
 - i) Mewakili Pemegang Amanah Tunggal Pengurusan dan Pentadbiran Wakaf di Negeri Kedah.
 - ii) Melibatkan sektor pertanian dan perumahan.
6. Pengarah Jabatan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Ketua Penolong Pengarah Jabatan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Sembilan.
 - i) Mewakili Pemegang Amanah Tunggal Pengurusan dan Pentadbiran Wakaf di Negeri Sembilan.
 - ii) Melibatkan sektor perhotelan.
7. Ketua Unit Wakaf Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
 - i) Mewakili Pemegang Amanah Tunggal Pengurusan dan Pentadbiran Wakaf di Negeri Kelantan.
 - ii) Melibatkan perundangan sedia ada.

Kaedah temubual separa berstruktur digunakan untuk mengumpul maklumat tentang struktur tadbir urus, penggunaan keuntungan yang diperolehi melalui keuntungan hasil daripada pelaburan wakaf, pelaksanaan undang-undang yang dilaksanakan berkaitan dengan enakmen wakaf serta masalah dan cabaran yang dihadapi oleh setiap institusi tersebut dalam pelaksanaan wakaf di Malaysia. Penyelidik telah mengemukakan 4 tema soalan yang setiap tema mempunyai sub soalan yang berkaitan dengan institusi yang hendak di temubual. Antara skop soalan temubual yang telah dinyatakan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Skop Soalan Temubual

Tema	Soalan
1.Cara pelaksanaan/ pengurusan wakaf	1.1 Struktur Tadbir Urus 1.2 Sumber perolehan/ sumber pembiayaan atau pendanaan 1.3 Nilai harta 1.4 Keuntungan diperolehi 1.5 Bil projek/ operasi
2.Penggunaan keuntungan/ pengagihan hasil keuntungan	2.1 Ekonomi 2.2 Kebajikan/ sosial 2.3 Pendidikan
3. Undang-undang yang digunakan	3.1 Undang-undang wakaf 3.2 Fatwa-fatwa yang berkaitan 3.3 Penyelarasan undang-undang negeri dan pusat 3.4 Undang-undang rentas sektor (contoh undang-undang pertanahan)
4. Masalah dan cabaran	4.1 Masalah/ cabaran/ halangan (sebelum dan pasca pandemik covid-19) 4.2 Penyelesaian

(Sumber: Mohamed et al., 2021)

4. Definisi Wakaf Ekonomi (*Wakaf Iktisad*)

Wakaf dari segi bahasa bermaksud *al-habsu* iaitu menahan (Othman, 2008). Manakala dari segi istilah, Mazhab Hanafi, Syafie dan Hanbali mendefinisikan wakaf adalah menahan harta yang bermanfaat dengan mengekalkan aset ('ain) harta tersebut, dengan melepaskan pemilikan daripada pewakaf menjadi milik dan manfaat orang awam dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT (Ibnu Hamam, 1970, Al-Maidani, 2010).

Manakala definisi ekonomi dari sudut pandang Islam berbeza dari sudut pandang konvensional (Muslim, 2012). Ekonomi dari sudut pandang Islam adalah interaksi sosial yang menguruskan kehendak manusia yang tidak terhad, dengan menggunakan sumber-sumber sedia ada bagi mencapai kebahagian dunia dan akhirat. Manakala ekonomi dari sudut pandang konvensional bermaksud interaksi sosial yang menguruskan kehendak manusia yang tidak terhad, dengan menggunakan sumber-sumber yang terhad bagi mencapai kepuasan yang maksimum (Sarimah Hanim, 2010).

Berdasarkan kompilasi kefahaman sorotan literatur dan pendefinisan wakaf di atas, kajian ini dapat merumuskan bahawa Wakaf Ekonomi (*Wakaf Iktisad*) ialah sejenis wakaf yang menerima manfaat daripada aset wakaf digunakan untuk menjana keuntungan material bagi faedah pembangunan

ummah melalui pelbagai sektor, seperti sektor pertanian, perniagaan, perhotelan, perumahan, harta tanah, pelaburan dan lain-lain.

Sehubungan itu, perbezaan antara wakaf ekonomi dan bentuk-bentuk wakaf lain seperti wakaf produktif, wakaf korporat, wakaf saham dan wakaf tunai adalah sepetimana berikut:

Jadual 2: Perbezaan Wakaf Ekonomi dan wakaf-wakaf lain

No.	Perkara	Wakaf Ekonomi	Wakaf Produktif	Wakaf Korporat	Wakaf Saham	Wakaf Tunai
1	Aset asal	Pelbagai jenis harta yang halal	Harta yang produktif sahaja seperti tanah pertanian atau perkebunan, Gudang-gudang komersial	Wang Tunai, Saham Syarikat Dan Dividen Saham	Saham	Wang tunai
2	Manfaat	Digunakan untuk menjana keuntungan material bagi faedah pembangunan ummah	Diuruskan untuk mendatangkan keuntungan yang sebahagian hasilnya digunakan untuk membiayai pelbagai aktiviti	Bergantung kepada niat pewakaf	Bergantung kepada niat pewakaf	Bergantung kepada niat pewakaf

(Sumber: Mohamed et al., 2021)

Wakaf Ekonomi atau Wakaf Iktisad adalah satu narasi baharu dan ianya selaras dengan kehendak syariat Islam yang menginginkan agar harta yang diwakafkan dapat mendapat memberi manfaat yang optimum kepada ummah. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَنْفَقُوا مِنْ طَبِيعَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ

Terjemahan: Wahai orang-orang yang beriman! Belanjakanlah (pada jalan Allah) sebahagian dari hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu.(al-Baqarah, 2: 267)

Berdasarkan ayat, wakaf turut termasuk di dalam maksud ayat kerana pada hakikatnya wakaf adalah suatu bentuk sedekah dan amalan kebaikan yang amat digalakkan bagi memberi manfaat dan kebaikan kepada orang

ramai (Zuhaili, 2008). Sehubungan itu, perkara asas dalam wakaf ekonomi adalah manfaat dari harta wakaf mampu dijana untuk mendapat keuntungan material kepada masyarakat. Justeru, penjanaan harta wakaf yang lestari sehingga menghasilkan manfaat lebih besar kepada masyarakat amat bertepatan dengan prinsip *maqasid al-Syariah* (Hasan, 2006).

Hal ini juga disokong dengan hadis Nabi SAW:

عَنْ أَبْنِيْ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ : أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِخَيْرٍ ، فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنِّي أَصَبَتُ أَرْضًا بِخَيْرٍ لَمْ أُصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ أَنفَقُتُ عِنْدِي مِنْهُ ، فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَ أَصْلَهَا وَتَصَدَّقَ بِهَا ، قَالَ : فَتَصَدَّقَ بِهَا عُمَرُ ، وَأَنَّهُ لَا يُبَاغِثُ أَصْلَهَا ، وَلَا يُبَيَّنَاعُ وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوَهَّبُ قَالَ فَتَصَدَّقَ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْفُرِيقَيْ وَفِي الرِّسَاقَيْ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَى مَنْ وَلَيْهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا

Terjemahan: Daripada Ibnu Umar RA katanya: “Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, **tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu)** dan kamu **sedekahkan manfaatnya**. Lalu Umar mengeluarkan sedekah hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekaan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya”.


[*Sahih al-Bukhari*, no. hadis: 2772; *Sahih Muslim*, no. Hadis: 1632]

Melalui hadis ini, dapat difahami bahawa sifat wakaf adalah mengekalkan aset asal wakaf (تحبيس العين) dan mempelbagaikan manfaat dari aset wakaf tersebut (تسبييل المنفعة). Manfaat adalah faedah yang boleh diperoleh daripada segala sesuatu benda seperti rumah sebagai tempat tinggal, kereta sebagai kenderaan dan lain-lain lagi (Ismail, 2015). Penjanaan harta wakaf

yang memberi keuntungan secara material juga merupakan salah satu bahagian dari manfaat wakaf ekonomi.

Secara umumnya, fokus wakaf ekonomi adalah pada تسبیل المنفعة iaitu bagaimana aset wakaf dikembangkan agar memberi manfaat secara ekonomi kepada ummah. Fokus wakaf ekonomi adalah seperti rajah berikut:

Rajah 1. Ilustrasi Wakaf Ekonomi



5. Wakaf An-Nur Corporation Berhad dan Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd Sebagai Model Wakaf Ekonomi

Hasil kajian yang dibuat oleh para penyelidik dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), mendapati bahawa Wakaf An-Nur Corporation Berhad dan Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd boleh dijadikan model pengurusan wakaf ekonomi yang sesuai dilaksanakan di negeri Kelantan.

Dua institusi ini dipilih kerana mempunyai keunikan dan inovasi tersendiri dalam menguruskan harta sehingga mampu menjana keuntungan material dan memberi manfaat kepada masyarakat. Pengagihan manfaat Dana Kebajikan Am Waqaf An-Nur Corporation Berhad bagi tahun 2020 adalah berjumlah RM2,054,834. Ini tidak termasuk emolumen eksekutif Imam dan Bilal di Rangkaian Masjid An-Nur berjumlah RM1,205,506 yang terkandung di dalam jumlah belanja pentadbiran (Laporan Tahunan Wakaf An-Nur Corporation Berhad Tahun 2020). Aktiviti yang telah dilaksanakan oleh Wakaf An-Nur sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2020 adalah sebagaimana berikut:

Jadual 3: Aktiviti Wakaf An-Nur 2020

PERKARA	KATEGORI SUMBANGAN	AGIHAN (RM)
Kebajikan Am & Amal	Kesihatan	225,050
	Mengimarah Masjid An-Nur	-
	Masyarakat Umum, Anak-anak yatim dan lain-lain tanggungjawab korporat	1,320,381
Pembangunan Insan & Modal Insan, Pendidikan dan Keusahawanan	Bantuan Sekolah dan Pertubuhan	159,403
Projek Khas	Projek Khas	350,000

(Sumber: Laporan Tahunan Wakaf An-Nur Corporation Berhad Tahun 2020)

Manakala Wakaf Pulau Pinang yang ditubuhkan pada tahun 1 April 2018 yang diamanahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) untuk menjalankan tanggungjawab membangun dan menguruskan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih dan harta yang diserahkan oleh MAINPP. Antara fungsinya termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan ke atas tanah tersebut. Pembangunan harta wakaf komersial yang dibangunkan oleh WPP menggunakan kaedah kontemporari yang melibatkan perumahan, premis perniagaan dan bangunan pejabat (Abdullah et al., 2020). Tanah wakaf Seetee Aishah asalnya sebuah tanah padi yang berkeluasan 9.86 ekar dan dibangunkan secara komersial sebagai taman perumahan (Bahari & Abd Rahman, 2012). Berdasarkan laporan prestasi kutipan tunai tahun 2021 WPP, kutipan tahun 2021 mengalami peningkatan berbanding tahun 2020 dan 2019 (Laporan Tahunan 2021 Wakaf Pulau Pinang). Jumlah kutipan tunai tahun 2019 adalah RM329,725.00, manakala tahun 2020 berjumlah RM1,039,974.78 dan tahun 2021 berjumlah RM2,556,902.81. Manakala untuk agihan kutipan dana wakaf tunai, WPP mempunyai polisi tersendiri. Polisi agihan ini terdiri dari pelaburan 40%, pendidikan 25%, kesihatan 25% dan ekonomi 10%.

Selain itu faktor inovasi, faktor perundangan yang diguna pakai oleh negeri Johor dan Pulau Pinang menjadi sebab kedua-dua institusi tersebut wajar dijadikan model wakaf ekonomi. Undang-undang yang digunakan oleh Kelantan, Pulau Pinang dan Johor dalam mengurus harta wakaf adalah Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri. Ketiga-tiga negeri ini belum memiliki enakmen khusus berkaitan dengan wakaf seperti beberapa buah negeri lain yang telah menggubal dan menggunakan Enakmen Wakaf bagi mentadbir harta wakaf. Berikut adalah enakmen yang digunakan oleh ketiga-tiga negeri tersebut:

Jadual 4: Peruntukan Wakaf dalam Enakmen Negeri

Bil	Negeri	Enakmen	Bahagian
1	Kelantan	Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu (Kelantan) No.4 Tahun 1994 (Seksyen 61 sehingga Seksyen 66)	Bahagian III – Harta Benda – Harta Benda Amanah dan Kewangan Majlis Wakaf dan Nazar
2	Johor	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Johor) No.16 Tahun 2003 (Seksyen 89 sehingga Seksyen 95)	Bahagian VI – Kewangan Wakaf, Nazr dan Amanah
3	Pulau Pinang	Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) No.4 Tahun 2004 {Seksyen 89 sehingga Seksyen 95}	Bahagian VI – Kewangan Wakaf, Nazr, dan Amanah

(Sumber: Mohamed et al., 2021)

Berikut adalah ringkasan perbandingan pengurusan wakaf dan agihan manfaat yang dilakukan oleh MAIK, Wakaf An-Nur dan WPP:

Jadual 5: Cara Pelaksanaan/ Pengurusan Wakaf

Institusi	Nazir (Struktur Tadbir Urus)	Waqif (Sumber perolehan/ pembentukan/ pendanaan)	Mauquf/ ‘Ain Wakaf (Nilai harta, bil. projek, keuntungan diperolehi)
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	-MAIK sebagai Nazir Am	-Sumber dana daripada Yayasan wakaf Malaysia dan juga sumber daripada Baitulmal. -Wakaf persendirian.	-Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra (KIJP) -Premis Kediaman Pintu Geng, Kota Bharu. -Sekolah Menengah Agama Tengku Amalin A'ishah Putri, Kota Bharu. -Bangunan Perniagaan Di Jalan Che Su, Kota Bharu. -Bangunan Bazar Wakaf Rakyat Kampung Geting, Tumpat. -Bangunan Perniagaan Wakaf,

			<p>Wakaf Siku, Kota Bharu.</p> <p>-Bangunan Perniagaan Jalan Dato Lundang, Kota Bharu.</p> <p>-Bangunan Perniagaan Wakaf Zurri, Jalan Kelochor, Kota Bharu.</p>
Majlis Agama Islam Pulau Pinang	<p>-Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd.</p> <p>-Mesyuarat MAINPP Bil. 2/2015 bertarikh 7 April 2015 telah bersetuju menubuhkan Syarikat Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. Pengurusan hartaanah Wakaf oleh Wakaf Pulau Pinang Sdn. Bhd. ini bukuat kuasa mulai 1 April 2018. Di antara peranan dan tanggungjawab syarikat:</p> <p>i. Menjalankan tanggungjawab membangun dan menguruskan harta wakaf sama ada harta alih atau harta tak alih dan harta yang diserahkan oleh MAINPP termasuk menjalankan pelaburan, penyelidikan dan penguatkuasaan ke atas tanah tersebut</p> <p>ii. Menjalankan kerja-kerja promosi dan publisiti bagi</p>	<p>-Persendirian:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Wakaf Tunai. 2. Wakaf Siti & Hajah Norijah Sg. Nibong. 3. Wakaf Mohamed Hashim. <p>-Kerajaan:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Wakaf Irsod, Pangapuri Wakaf An-Nur, Teluk Air Tawar. 	<p>-Pembangunan menara UMNO setinggi 21 tingkat.</p> <p>-Pembangunan premis-premis komersial.</p> <p>-Pembangunan rumah pangsa dan teres 2 tingkat kos sederhana.</p>

	<p>mengumpul dan menambah Dana Wakaf tunai MAINPP dan lain-lain bentuk wakaf.</p> <p>iii. Melaksanakan polisi MAINPP berkaitan pengurusan wakaf dan harta tanah dan mencadangkan polisi dan innovasi baru berkaitan pembangunan wakaf dan harta tanah.</p> <p>Tadbir urus WPP diketuai oleh seorang Ketua Pegawai Eksekutif iaitu Hj. Rosidi bin Hussain.</p>		
Majlis Agama Islam Negeri Johor	<p>-Wakaf An-Nur</p>	<p>-J-Corp, institusi dan persendirian, syarikat atau badan dan organisasi.</p> <p>-Syarikat pemegang pelaburan.</p>	<p>-Saham, Hartanah, tunai</p>

(Sumber: Mohamed et al., 2021)

Jadual 6: Agihan Hasil Wakaf

Institusi	Ekonomi	Kebajikan/ Sosial	Pendidikan
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan	<p>1.Sektor Perniagaan - Pembinaan Bazzar Wakaf Rakyat</p> <p>2.Sektor Pertanian - Sewaan tanah untuk aktiviti pertanian - Tanaman kelapa - Tanaman Tembakai</p>	<p>1. Penubuhan Muallaf centra</p> <p>2. Sumbangan hasil wakaf berjumlah RM76,000.00 ini diagih dan disalurkan kepada 38 buah masjid mukim terpilih di seluruh jajahan Negeri Kelantan.</p> <p>3. Penyerahan peralatan wakaf kesihatan menerusi</p>	SMU(A) Bunot Payong

		dana Waqaf Kesihatan dan Am, yang bernilai RM100,000, iaitu berupa mesin ultrasound, mesin kardiotokografi, mesin pemeriksaan tanda vital bagi pesakit <i>neonate</i> , katil pesakit, mesin penyedut mukus, kerusi roda, dan kerusi menunggu pesakit.	
Majlis Agama Islam Pulau Pinang/ Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd	<p>Perumahan: Keperluan umat Islam Pulau Pinang kepada sistem perumahan di bawah konsep wakaf amat mendesak sekali samada premis komersial atau kediaman didahului dengan Projek Wakaf Seetee Aishah Seberang Jaya, Pangsapuri Wakaf An Nur, Telok Air Tawar, Pangsapuri Wakaf Mohamad Hashim, Seberang Jaya, Pangsapuri Siti dan Hajjah Norijah ,Sg Nibong Pulau Pinang.</p> <p>Pertanian Kontan: Pengembangan harta waqaf di Pulau Pinang tidak dapat dinafikan . Tanah kosong perlu dibangunkan daripada terus terbiar, terbengkalai atau dibiar tidak diusahakan. Projek tanaman nanas di tanah waqaf Al Masriyah seluas 12 ekar dengan lebih 200 pokok menjadi projek sulung wakaf hybrid usahasama MAINPP, Zakat Pulau</p>	<p>Kesihatan: Klinik Wakaf An-Nur telah pun dibina di perkarangan Masjid Jamek Seberang jaya.</p> <p>Al-Quran: Yayasan Restu antaranya diusahakan oleh anak Pulau Pinang berteraskan Mashaf Al-Malizi, Al-Quran akan terus dicetak dan diwartakan untuk umat Islam dalam dan luar negara. Wakaf Pulau Pinang juga telah membuat kutipan Al-Quran lusuh dari rumah ke rumah. Al-Quran lusuh diganti dengan quran baru yang telah diwakafkan. Kesemua Al-Quran lusuh yang dikutip akan dihantar ke pusat pelupusan Al-Quran di NibongTebal.</p> <p>Kitab Agama:</p>	<p>Pendidikan Tinggi (KITAB): Universiti Islam Pulau Pinang dibina melalui konsep wakaf telah diluluskan secara asasnya oleh MAINPP. Perancangan 5- 10 tahun ini dengan mengambil panduan dari Universiti di Turki dan Mesir akan menjadikan Pulau Pinang hub pendidikan berteraskan wakaf di Malaysia.</p> <p>Pendidikan: Institusi Pendidikan berteraskan wakaf telah wujud di Pulau Pinang sejak berdekad yang lalu. Madrasah Al-Mashoor adalah contoh terbaik. Pendidikan menyerahkan kelebihan anak muda Islam Pulau Pinang dalam membudayakan persaingan sihat.</p>

	<p>Pinang, Wakaf Pulau Pinang dan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia.</p> <p>As-Siyahah (penyelenggaraan): Penyelenggaraan aset dan premis wakaf sedia ada adalah satu kewajipan untuk meneruskan maksud dokumen pewakaf. Harta wakaf antara yang tertinggi di Malaysia bernilai lebih daripada RM 2Billion perlu diselenggara dengan effisien.</p> <p>Strategik: Wakaf Strategik adalah projek usahasama pintar dengan pihak pewakaf, badan korporat dan individu yang berminat.</p>	<p>Kitab agama adalah instrumen penting yang perlu berada di Perpustakaan Negeri, secara digital ebook dan juga di rumah.</p> <p>Al-Khadamat (Pengurusan & Pentadbiran Wakaf): Kewujudan wakaf Masjid Kapitan Keling, Masjid Melayu Lebuh Acheh, Wakaf Setee Aisah, Wakaf Siti dan Hajah Norijah dan lain-lain memerlukan pengurusan dan perkhidmatan agensi wakaf di Pulau Pinang yang berdaya saing.</p>	<p>Kewujudan Wakaf Al-Mashoor telahpun melebihi 100 tahun. Wakaf AlMashoor bermula sebagai sebuah madrasah yang dikenali sebagai Madrasah al-Quran pada tahun 1916 di Kampung Tuan Guru (atau nama asal Kampung Che Long) yang bersempadankan Lebuh Armenia, Lebuh Cannon dan Lebuh Aceh berhampiran Masjid Melayu Lebuh Aceh (Husin, 2016).</p>
Majlis Agama Islam Negeri Johor/ Wakaf An-Nur	<p>1.Sektor Perniagaan -Pembiayaan dana niaga melalui lessen kredit kominiti -Kontrak pembiayaan yang ditawarkan dalam bentuk patuh syariah</p> <p>2.Program pembangunan usahawanwan micro -Bazaar Rakyat di Larkin Centra</p>	<p>Bantuan dari aspek bencana alam seperti isu pandemic covid bantuan peralatan hospital, PPE, bakul makanan kepada yang terjejas.</p> <p>Pemberian debit kepada mereka yang terjejas dalam perniagaan.</p>	<p>1. Klinik Waqaf An-Nur, Pasir Gudang, Johor</p> <p>2. Klinik Waqaf An-Nur, Taman Bukit Tiram, Ulu Tiram, Johor</p> <p>3. Klinik Waqaf An-Nur Galleria @ Kotaraya, Johor</p> <p>4. Klinik Waqaf An-Nur Senawang, Seremban, Negeri Sembilan</p> <p>5. Klinik Waqaf An-Nur Ijok, Selangor</p> <p>6. Klinik Waqaf An-Nur Perdana, Kota Bharu, Kelantan</p> <p>7. Klinik Waqaf An-Nur Sg. Buloh, Selangor</p>

			8. KWAN Masjid Bandar Baru Sultan Sulaiman, Klang
--	--	--	---

(Sumber: Mohamed N.A., 2021)

6. Potensi Pelaksanaan Wakaf Ekonomi di Kelantan

Negeri Kelantan yang terkenal dengan gelaran “Serambi Mekah” merupakan sebuah negeri yang rakyat negerinya kaya dengan ilmu pengetahuan agama. Kajian Indeks Sosio Taqwa Negeri Kelantan pada 2018 yang dijalankan oleh penyelidik dari Universiti Teknologi Petronas (UTP) terhadap penghayatan dan pengamalan nilai-nilai yang selari dengan dasar Membangun Bersama Islam berada pada tahap baik dengan nilai 6.25 (UPKN, 2021). Oleh itu, negeri Kelantan memiliki potensi yang besar untuk membangunkan wakaf ekonomi iaitu konsep wakaf yang manfaat dari aset wakaf digunakan untuk tujuan pembangunan ekonomi sama ada dalam sektor perniagaan, pertanian dan lain-lain. Berikut adalah beberapa faktor negeri Kelantan menjadi salah satu negeri yang sangat berpotensi untuk mengembangkan wakaf ekonomi:

6.1 Kualiti Tahap Kefahaman Islam Masyarakat

Rakyat negeri Kelantan memiliki tahap penghayatan dan pengamalan yang baik terhadap nilai-nilai Islam (UPKN, 2021). Kajian yang dibuat yang diantaranya terdapat 254 responden dari negeri Kelantan (50.8%) mendapati bahawa mereka memiliki kefahaman yang tinggi tentang wakaf ekonomi iaitu dengan min 4.22 dan mereka sangat percaya bahawa wakaf ekonomi boleh memberi peluang pekerjaan kepada umat Islam dan boleh mengurangkan jumlah golongan asnaf fakir miskin (Mohamed et al., 2021; Saufi et al., 2021).

6.2 Keutuhan Institusi Pondok

Antara potensi yang ada di negeri Kelantan untuk pengembangan wakaf ekonomi adalah dengan menjadikan institusi pondok sebagai Pusat Pengembangan Wakaf Ekonomi Negeri Kelantan (PPWENK). PPWENK boleh diadopsi dengan konsep pengintegrasian antara Wakaf Ekonomi, Institusi Pondok dan Keusahawan Islam (WEPKI). Beberapa institusi berkaitan perlu berkolaborasi bagi menjayakan perkara ini, antaranya MAIK, Yayasan Wakaf Malaysia, Pusat Pembangunan Pondok Berhad (PPPBB) dan Institusi Perbankan Islam. Berikut adalah beberapa sebab kenapa institusi pondok wajar diberikan perhatian:

- i) Kelantan adalah negeri yang paling banyak pondok berbanding negeri yang lain.
- ii) Kepercayaan masyarakat sekeliling kepada sistem pondok sangat tinggi (Abidin, 2023).
- iii) Warga pondok memiliki Ilmu yang mampan dalam Fiqh Muamalat dan perlu direalisasikan dalam bentuk pelaksanaan. Mereka boleh diberikan pelatihan dengan Kerjasama beberapa pihak yang berpengalaman luas dalam memajukan wakaf.

6.3 Kemakmuran Institusi Masjid

Institusi masjid bukan sahaja tertumpu kepada tempat peribadatan semata-mata namun perlu juga dijadikan sebagai pusat tumpuan komuniti bagi sebuah masyarakat (Majid, 2021). Terdapat 17 masjid bandar dan jajahan serta 35 masjid mukim kategori A di negeri Kelantan (MAIK: 2022). Jumlah ini sangat besar dan sangat berpotensi untuk dijadikan sebagai salah satu pusat untuk dikembangkan wakaf ekonomi di negeri ini. PPWENK boleh juga dijayakan dengan konsep pengintegrasian antara Wakaf Ekonomi, Institusi Masjid dan Keusahawanan Islam (WEMKI).

6.4 Dasar Merakyatkan Membangun Bersama Islam (MMBI)

Dasar MMBI telah berjaya melahirkan banyak produk pentadbiran Islam dalam dimensi baru yang dapat memenuhi kehendak dan citarasa masyarakat zaman sekarang (Mohamad, 2008). Oleh kerana itu, dasar ini dilihat mampu menjadi asas penting agar Kelantan menjadi peneraju kepada pelaksanaan wakaf ekonomi.

7. Kesimpulan

Wakaf Ekonomi merupakan satu istilah baru berkonseptan bahawa manfaat dari harta wakaf akan digunakan bagi pembangunan ekonomi ummah. Berdasarkan praktik pengurusan wakaf oleh beberapa institusi pentadbiran wakaf di Malaysia, kajian ini mendapati negeri Kelantan memiliki potensi yang besar untuk membangunkan wakaf ekonomi iaitu konsep wakaf yang mana manfaatnya dari aset wakaf digunakan untuk tujuan pembangunan ekonomi sama ada dalam sektor perniagaan, pertanian dan lain-lain. Kualiti tahap kefahaman masyarakat kelantan, keutuhan institusi pondok, kemakmuran insitusi masjid dan dasar MMBI dilihat sebagai faktor penting menjadikan negeri sebagai peneraju pelaksanaan wakaf ekonomi.

8. Penghargaan

Kajian ini dihasilkan di bawah geran penyelidikan daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dengan usaha sama Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), dalam rangka penyelidikan memperkasa pengurusan wakaf di Negeri Kelantan. No. Geran: KIAS/40106/KERG20/001.

Rujukan

- Ab Rahman, A. (2009). Peranan Wakaf dalam Pembangunan Ekonomi Ummah dan Aplikasinya di Malaysia, 133.
- Abdullah, B., Aziz, A. H. A., & Bahari, Z. (2020). Pelaksanaan Pembangunan Harta Wakaf Di Negeri Pulau Pinang Dalam Sektor Komersial. *International Journal*, 3(14), 1-13.
- Abidin, M. Z. H. Z., Rahim, R. A. A., Yusof, M. Y., Noh, A. M. M., Hassan, P., & Abd Razak, M. I. (2023). Analisa Pensejarahan Berkaitan Faktor Perkembangan Institusi Pendidikan Pondok Di Negeri Kelantan. *Jurnal'Ulwan*, 8(3), 71-84.
- Ahmad, A. (2008). Pelaksanaan skim wakaf tunai oleh Yayasan Wakaf Malaysia. *Jurnal Pengurusan Jabatan JAWHAR* 2(2): 88-97.
- Al-Maidani. (2010). *Al Lubab fi Syarhil Kitab*. T.tp: Darul Kitab al-Arabi.
- Anuar, M. S., Shuib, M. S., & Azis, I. N. (2021). Model Pengurusan Wakafpreneur Kontemporari: Kajian Kes di Institut Wakafpreneur Indonesia [Management Contemporary of Wakafpreneur Model]. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(2), 60-68.
- Bahari, Z. & Abd Rahman, F. (2012). Pemerkasaan instrumen wakaf dalam pembangunan ekonomi. Siri Kertas ISDEV, No. 38. Pulau Pinang: Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), USM.
- Borham, A. S. (2011). Pelaksanaan pembangunan wakaf korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): satu tinjauan. In *International conference on humanities* (pp. 1-13).
- Bukhari. (2003). *Sahih al-Bukhari*. Kaherah: Dar al-Haitham.
- Firmansyah, H. (2019). Penafsiran Ayat-Ayat Ahkam Tentang Wakaf. *Al-Awqaf: Jurnal Wakaf Dan Ekonomi Islam*, 12(1), 1-9.
- Fuadi, N. F. Z. (2018). Wakaf Sebagai Instrumen Ekonomi Pembangunan Islam. *Economica: Jurnal Ekonomi Islam*, 9(1), 151-177.
- Hanna, S. (2018). Wakaf Saham Dalam Perspektif Hukum Islam. *Mizan: Journal of Islamic Law*, 3(1).
- Hasan, Z. (2006). Sustainable development from an Islamic perspective: Meaning, implications, and policy concerns. *Journal of King Abdulaziz University: Islamic Economics*, 19(1).
- Huda, M., & Santoso, L. (2019). Konstruksi model wakaf perusahaan dalam negara hukum Indonesia. *Al-Daulah Jurnal Hukum dan Perundangan Islam*, 9(2), 222-249.
- Ibnu Abid, (2000). *Hasyiyah Raddul Mukhtar 'Ala Duril Mukhtar Syarah Tanwirul Absar*. Darul Fikr, Beirut
- Ibnu Hamam, (861 H). *Fathul Qadir*. Darul Fikr, Beirut.
- Ismail, Faizah (2015). *Asas-asas Muamalat dalam Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kurniawan, M. (2013). Wakaf Produktif Dan Pemberdayaan Ekonomi Umat. *ASAS*, 5(1).
- Laporan Tahunan 2021, Wakaf Pulau Pinang.
- Laporan Tahunan Wakaf An-Nur Corporation Berhad Tahun 2020. Bab Laporan Agihan Manfaat. Diakses pada tarikh 20 Mac 2022. <http://www.waqafannur.com.my>
- Magda Ismail Abdel Mohsin. (2013). Corporate waqf and its role in the different societies. The 2nd International Conference on Islamic Economics and Economies of the OIC Countries (ICIE 2013) Kuala Lumpur.
- Mahmood, N. A., & Shafaii, M. H. M. (2013). Potensi wakaf korporat kepada pemilikan ekuiti muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII), Johor Bahru*.
- Majid, M. A. (2021). Pelan Strategik Pengupayaan Peranan Institusi Masjid Sebagai Pusat Tumpuan Komuniti. *Journal of Islam and Contemporary Affairs*, 1(2), 21-37.
- Medias, F. (2010). Wakaf Produktif Dalam Perspektif Ekonomi Islam. *La_Riba*, 4(1), 71-86.)
- Mohamad, S. (2008). Falsafah Siasah" Membangun Bersama Islam" dan Kesannya Kepada Kemantapan Kerajaan Kelantan. *Jurnal KIAS*, 4(1), 67-81.
- Mohamed, N. A., Saleh, M., Saufi, S., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021) Laporan Penyelidikan Wakaf Ekonomi Sebagai Model Baharu Pembangunan Ummah Secara Mampan.
- Muslim, M. B. (2012). Perbandingan ekonomi Islam dan ekonomi kapitalis. *Al-Iqtishad: Jurnal Ilmu Ekonomi Syariah*, 4(2).
- Muslim. (2004). *Sahih al-Muslim*. Beirut: Dar al-Asriyah.
- Othman, Ahmad Mokhtra (2008). Mu'jam Lughah al-'Arabiah al-Mu'asirah.
- Sarimah Hanim (2010). Ekonomi Dari Perspektif Islam. Penerbit Fajar Bakti..
- Saufi, S., Mohamed, N. A., Saleh, M., Ghani, H. A., & Noor, S. (2021). Kajian terhadap kepercayaan masyarakat terhadap institusi pengurusan waqaf di Malaysia. *RABBANICA-Journal of Revealed Knowledge*, 2(2), 83-96.
- Suganda, A. D. (2014). Konsep Wakaf Tunai. *ISLAMICONOMIC: Jurnal Ekonomi Islam*, 5(2).
- UPKN. (2021). Urus Setia Penerangan dan Komunikasi Negeri Kelantan, Sukses Merakyat Membangun Bersama Islam.
- Zahrah, A. M. (2009). Muhadarat fi al-Waqf. Dar al-Fikr al-'Arabiyy.
- Zakaria, M. S., & Muda, M. Z. (2017). Sorotan literatur pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia. *Islamiyat*, 39(1), 39-46.
- Zuhaili, Wahbah (2008). *Fiqh Islami Wa Adillatuhu*. Darul Fikr

Temuramah

1. Temuramah, Ketua Eksekutif Wakaf An-Nur Secara Atas Talian pada 1 Julai 2021 jam 2.30 petang.
2. Temuramah, Ketua Eksekutif Wakaf Pulau Pinang Sdn Bhd Secara Atas Talian pada 14 Jun 2021 jam 10.00 pagi.